



BAB 6: CIRI-CIRI MUKMIN BERJAYA



Kepentingan Zakat

Zakat ialah pertumbuhan harta dan ekonomi. Islam menggalakkan umatnya agar berusaha membanyakkan harta dan kekayaan supaya dapat menjadi pembayar zakat. Sesebuah negara Islam dianggap berjaya sekiranya bilangan pembayar zakat lebih ramai daripada mereka yang memerlukan zakat. Sebaliknya umat Islam akan dipandang hina sekiranya terdapat banyak fakir miskin yang menunggu pemberian zakat sedangkan pembayar zakat amatlah sedikit.

Islam telah mengatur cara hidup yang sempurna dengan menentukan peraturan-peraturan yang menjamin keadilan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Antara peraturan tersebut termasuklah kewajipan menunaikan zakat harta.

Islam mewajibkan setiap umatnya yang memiliki harta dan mencukupi syarat supaya mengeluarkan zakat. Orang Islam yang sengaja tidak mengeluarkan zakat adalah berdosa besar. Orang Islam yang menolak hukum kefarduan zakat harta dihukum murtad.

Definisi Zakat Harta

Dari segi bahasa bererti bersih, suci, memperbaiki, subur, dan bertambah. Menurut istilah syarak pula zakat harta bermaksud mengeluarkan sebahagian daripada harta yang tertentu untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya.

Hukum menunaikan zakat harta adalah wajib dan ditunaikan sekali dalam setahun.

Hikmat Mengeluarkan Zakat

- 1 Dapat beribadat kepada Allah dengan harta kekayaan.
- 2 Membuktikan kesyukuran terhadap nikmat anugerah Allah.
- 3 Menyucikan diri daripada sifat bakhil, hasad dengki, dan terlalu sayang kepada harta.
- 4 Membentuk sifat pemurah, prihatin, dan suka menghulurkan bantuan.

- 5 Membersihkan harta dan mengurangkan jurang perbezaan kekayaan dalam masyarakat.
- 6 Mengurangkan berlakunya jenayah dalam masyarakat seperti mencuri.
- 7 Mengeratkan hubungan silaturahim antara orang kaya dengan orang miskin.
- 8 Dapat melaksanakan usaha-usaha kebajikan seperti dalam bidang pendidikan dan kesihatan.
- 9 Menyumbang ke arah pembangunan ekonomi umat Islam.
- 10 Dapat menggiatkan aktiviti-aktiviti dakwah Islam.

Asnaf yang Berhak Menerima Zakat

| ASNAF | DEFINISI |
|----------------------|---|
| Fakir | Orang yang tidak mempunyai harta dan pendapatan. Orang yang mempunyai harta dan pendapatan tetapi tidak dapat memenuhi separuh keperluannya yang wajib menurut keadaan yang munasabah walaupun mempunyai rumah kediaman juga dikira sebagai fakir. Sebagai contoh, seorang yang memerlukan RM10 sehari tetapi hanya memperoleh sekitar RM1 hingga RM4 sahaja. |
| Miskin | Orang yang mempunyai harta dan pendapatan yang mencukupi sekadar separuh daripada keperluannya yang wajib menurut keadaan yang munasabah walaupun mempunyai rumah kediaman. Sebagai contoh, seorang yang memerlukan RM10 sehari tetapi hanya memperoleh sekitar RM5 hingga RM8 sahaja. |
| Amil | Orang yang diberi kuasa untuk mengumpul dan mengagihkan zakat. |
| Mualaf | Orang yang dilembutkan hatinya atau orang yang diharapkan kecenderungan hatinya kepada Islam atau yang telah memeluk agama Islam tetapi masih lemah imannya. |
| Hamba | Hamba yang diberi peluang oleh tuannya menebus diri untuk dimerdekakan. |
| Al-Gharimin | Orang yang berhutang untuk keperluan asasi diri dan keluarga di bawah tanggungannya atau untuk kebajikan orang ramai dan tidak mampu membayarnya. |
| Fi Sabilillah | Orang yang berjuang menegakkan syiar Islam dan menjalankan kegiatan dakwah Islam. |
| Ibnussabil | Orang musafir yang terputus perbelanjaan. |

Peranan Institusi Pengurusan Zakat di Malaysia

Pengurusan zakat di Malaysia berada di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam negeri masing-masing. Sebahagian Majlis Agama Islam negeri-negeri telah menubuhkan pusat urusan zakat untuk tujuan mengurus kutipan zakat fitrah dan zakat harta. Contohnya Majlis Agama Islam negeri Selangor telah menubuhkan Lembaga Zakat Selangor (yang dahulu dikenal sebagai Pusat Zakat Selangor) yang menyediakan sistem potongan zakat secara komputer dengan pengurusan secara koporat.

Antara peranan pusat pungutan zakat termasuklah:

- 1 Memungut, mengumpul, dan meningkatkan kutipan zakat negeri.
- 2 Memudahkan umat Islam mengeluarkan zakat dengan memperkenalkan cara yang sistematik menerusi operasi berkomputer.
- 3 Membuat agihan zakat kepada asnaf yang lapan dengan berkesan dan adil.
- 4 Memberi penerangan keutamaan mengeluarkan zakat kepada masyarakat dengan pelbagai kaedah komunikasi dan perhubungan awam.

Sejarah Penubuhan Lembaga Zakat Selangor

Pada 31 Januari 2006 bersamaan 1 Muharam 1427H tercatat sejarah dalam lembaran zakat di Selangor apabila Pusat Zakat Selangor (PZS) MAIS dengan rasminya dinaiktarafkan kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) MAIS. Hampir lebih sedekad PZS (MAIS) menerajui dunia zakat di Selangor dengan keberkesanan kutipan dan agihan zakatnya. Pasti naik taraf ini merupakan satu penghormatan yang tidak ternilai. Bukan sahaja organisasi ini dinaiktarafkan kepada nama yang lebih besar dan diyakini masyarakat tetapi fokus utama LZS (MAIS) juga pasti ke arah yang lebih mencabar.

Logo LZS (MAIS) dan Rasionalnya

Selain nama, logo LZS (MAIS) juga diberi wajah baru yang menggambarkan LZS (MAIS) ini bergerak maju ke hadapan dengan pengurusan yang cekap dan telus tanpa mengenyakan soal hukum yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah.



*** LOGO**

1. Warna **biru** melambangkan semangat juang yang tinggi dalam memartabatkan urusan zakat.
2. Warna **kuning** menandakan LZS (MAIS) sentiasa di bawah naungan pemerintahan kesultanan Selangor.
3. Warna **putih** melambangkan kesucian agama Islam.

Menyentuh gabungan huruf jawi yang dijadikan *elemen* wajib dalam logo, terdapat beberapa maksud yang tertentu iaitu:

1. Huruf *Lam* diambil daripada perkataan Lembaga.
2. Huruf *Zai* diambil daripada perkataan Zakat.
3. Huruf *Sin* diambil daripada perkataan Selangor.

Gabungan kaligrafi huruf jawi ini menguatkan lagi logo LZS (MAIS) selaku organisasi yang mengurus kewangan umat Islam.